

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 APRIL 2017

PM terima kunjungan Ketua Hakim Negara

BH - 11/4/2017

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak semalam menerima kunjungan Ketua Hakim Negara yang baharu, Tan Sri Md Raus Sharif di pejabatnya di Putrajaya, semalam.

Perdana Menteri dalam entri terbaru Twitternya petang semalam turut mengucapkan selamat bertugas kepada bekas Presiden Mahkamah Rayuan itu.

“Menerima kunjungan YAA Tan Sri Md Raus Sharif, Ketua Hakim Negara yang baharu, pagi tadi (semalam). Selamat bertugas,” katanya di-

petik daripada laman Twitter dan Facebook rasminya.

Pada 1 April lalu, Perdana Menteri mengumumkan Md Raus dilantik sebagai Ketua Hakim Negara yang baharu bagi menggantikan Tun Arifin Zakaria yang mencapai tempoh perkhidmatan 66 tahun enam bulan.

Pelantikan itu mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V dan selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja berdasarkan Fasal (1) Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan.



[FOTO BERNAMA]

Najib beramah mesra dengan Md Raus ketika menerima kunjungan Ketua Hakim Negara yang baharu itu di pejabatnya di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.